DEZOR PLUS SHAMPOO

Ketoconazole 2% w/w, Zinc Pyrithione 1% w/w

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan DEZOR PLUS SHAMPOO
2. Bagaimana DEZOR PLUS SHAMPOO berfungsi?
3. Sebelum menggunakan DEZOR PLUS SHAMPOO
4. Cara menggunakan DEZOR PLUS SHAMPOO
5. Semasa menggunakan DEZOR PLUS SHAMPOO
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan DEZOR PLUS SHAMPOO
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang DEZOR PLUS SHAMPOO. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda mengambil DEZOR PLUS SHAMPOO berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Jika anda mempunyai sebarang kemusykilan tentang pengambilan ubat ini, tanya ahli farmasi atau doktor anda.

Simpan risalah ini bersama ubat. Anda mungkin perlu membacanya lagi.

Apakah kegunaan DEZOR PLUS SHAMPOO

DEZOR PLUS SHAMPOO digunakan untuk rawatan:

- Dermatitis seborik
- Kelemumur

Bagaimana DEZOR PLUS SHAMPOO berfungsi

DEZOR PLUS SHAMPOO mengandungi *Ketoconazole* yang merupakan agen antikulat berspektrum luas. Ia bertindak dengan mengubah kebolehtelapan membran sel yis dan kulat. Komponen aktif lain DEZOR PLUS SHAMPOO, *Zinc Pyrithione* mengurangkan pengelupasan dan kegatalan yang disebabkan oleh kelemumur (keratolitik).

Sebelum menggunakan DEZOR PLUS SHAMPOO

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan DEZOR PLUS SHAMPOO jika anda alah kepada *Ketoconazol*e, *Zinc Pyrithione* atau eksipien lain. Ia juga tidak digalakkan untuk digunakan jika anda mempunyai penyakit hati akut atau kronik.

-Sebelum mula menggunakan

Beritahu doktor anda:

- **Jika anda hamil,** tidak diketahui sama ada penggunaan DEZOR PLUS SHAMPOO boleh membahayakan bayi di dalam kandungan anda. Walau bagaimanapun, penggunaan semasa trimester pertama kehamilan memerlukan nasihat daripada doktor.
- **Jika anda menyusukan bayi,** tidak diketahui sama ada DEZOR PLUS SHAMPOO akan masuk ke dalam susu anda dan boleh membahayakan bayi anda.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda tentang semua ubat-ubatan yang lain dan produk kulit yang anda gunakan, termasuk ubat-ubatan preskripsi dan bukan preskripsi, vitamin, makanan tambahan herba, dan kosmetik. Tiada sebarang jenis interaksi ubat dengan DEZOR PLUS SHAMPOO telah dilaporkan.

Cara menggunakan DEZOR PLUS SHAMPOO

-Berapa banyak harus digunakan

Gunakan DEZOR PLUS SHAMPOO yang mencukupi pada rambut dan kulit kepala yang basah bagi menghasilkan buih yang cukup. Urut selama satu minit dan bilas dengan air suam. Ulang prosedur untuk 3 minit tambahan. Bilas dengan air suam dan keringkan rambut.

-Bila perlu digunakan

Gunakan DEZOR PLUS SHAMPOO seperti yang ditetapkan oleh doktor anda. DEZOR PLUS SHAMPOO adalah untuk kegunaan pada kulit kepala anda sahaja.

-Berapa lama perlu digunakan

Syampu dua kali seminggu selama 4 minggu sekurang-kurangnya selang 3 hari antara kegunaan dan kemudian seperti yang diperlukan atau seperti yang diarahkan oleh doktor.

-Jika terlupa menggunakan

Gunakan ia sebaik sahaja anda ingat. Kemudian kembali ke jadual biasa anda. Jika sudah sampai masa untuk dos seterusnya, gunakan hanya 1 dos, dan teruskan dengan jadual biasa anda. Jangan tambah dos bagi dos yang tertinggal. Jika anda terlepas beberapa dos, beritahu doktor anda.

-Jika menggunakan berlebihan (terlebih dos)

Jika anda gunakan terlalu banyak atau tertelan, ia boleh menyebabkan anda sakit. Berbincang dengan doktor anda atau pergi ke hospital secepat mungkin.

Semasa menggunakan DEZOR PLUS SHAMPOO

-Perkara yang perlu dilakukan

Sentiasa bersihkan tangan anda sebelum dan selepas menggunakan syampu.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan gunakan pada kanak-kanak atau bayi melainkan jika diarahkan oleh doktor.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Untuk kegunaan luar sahaja - kulit kepala sahaja. Elakkan daripada terkena mata. Jika terkena mata, bilas sehingga bersih dengan air. Jika keadaan menjadi lebih teruk atau tidak bertambah baik selepas menggunakan produk ini seperti yang diarahkan, dapatkan nasihat doktor.

Kesan-kesan sampingan

Kebanyakan orang tidak akan mempunyai masalah, tetapi ada yang boleh mengalaminya.

- Dalam keadaan yang jarang berlaku, perubahan warna rambut telah diperhatikan. Lain-lain gejala seperti pertambahan dalam keguguran rambut, kerengsaan (<1%), tekstur rambut yang tidak normal, kekeringan ringan pada kulit, kegatalan, rambut dan kulit kepala berminyak/ kekeringan juga telah diperhatikan.
- Disebabkan oleh risiko hepatotoksiksiti yang tinggi, DEZOR PLUS SHAMPOO hanya boleh digunakan apabila manfaatnya melebihi risiko, dan pada masa yang sama mengambil kira kewujudan terapi antikulat lain yang berkesan.

Jika sebarang kesan sampingan menjadi teruk, atau anda mengalami sebarang kesan sampingan yang tidak desenaraikan di sini, sila beritahu ahli farmasi atau doktor anda.

Untuk Kegunaan Luar Sahaja – kulit kepala sahaja
Bukan untuk penggunaan pada mata (oftalmik)

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan DEZOR PLUS SHAMPOO

-Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C.
Lindungi daripada cahaya.
Jauhi daripada kanak-kanak.

-Pelupusan

Lupuskan ubat selepas tarikh luput.
Sila dapatkan nasihat ahli farmasi tentang cara pelupusan sebarang ubat yang tidak digunakan lagi.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna

DEZOR PLUS SHAMPOO adalah cecair legap yang likat berwarna merah dengan bau tersendiri. Ia boleh didapati dalam 60ml dan 120ml botol plastik.

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan-bahan aktif:
Ketoconazole 2% w/w dan *Zinc Pyrithione* 1% w/w

-Bahan-bahan tidak aktif:
Methylparaben, Propylparaben, Propylene Glycol, TEA-Lauryl Sulphate, Sodium Chloride, Sodium Hydroxide, Polyquaternium-39, Laureth-4, Sodium Citrate, Ponceau 4R, Hydrochloric Acid, Cocamidopropyl Betaine, Acrylate Copolymer, Fragance (Mosaic 02853) dan *Purified Water.*

-Nombor MAL:
MAL14075065AZ

Pengilang

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
MALAYSIA.

Pemegang Pendaftaran Produk

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
MALAYSIA.

Tarikh kemaskini RiMUP
26/11/2020

Nombor Siri
NPRA(R2/1)201125/566